

**BAHAGIAN BANGUNAN DAN PEMELIHARAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TAWARAN SEBUTHARGA

BIL. SEBUTHARGA: KHEU /BDP / 164 / 144 / 2021

**3 YEARS TERM CONTRACT FOR COMPREHENSIVE MAINTENANCE OF "SIGMA" PASSENGER
LIFT AT BANGUNAN TAMBAHAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

TARIKH TUTUP TAWARAN: **13 hb Oktober 2021** Jam 12:00 **TENGAH HARI**

Syarat-Syarat untuk mengikuti tawaran kerja sebutarga adalah seperti berikut :

1. Tawaran hanyalah dipelawa kepada Syarikat-Syarikat / Pemborong-Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan **Kelas III dan Kategori KPME02 SAHAJA** Di Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran mestilah dibuat diatas borang-borang tawaran yang tercetak oleh Kementerian ini dan Penerangan lanjut bagi mengikuti sebutarga bolehlah datang terus ke **Unit Penyelaras dan Pemantauan Projek, Bahagian Bangunan Dan Pemeliharaan, Bangunan Perdagangan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Kota Batu, Negara Brunei Darussalam.**
3. Bagi Syarikat / Pemborong yang berminat untuk mengikuti tawaran sebutarga hendaklah mengikut proses-proses pembelian tawaran sebutarga seperti berikut:
 - i. Syarikat / Pemborong hendaklah menyertakan dan menghadapkan salinan **Sijil Pendaftaran 16 dan 17** yang dikeluarkan oleh Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat, Jabatan Peguam Negara, Negara Brunei Darussalam dan juga menyertakan salinan sijil pendaftaran Kontraktor Dan Pembekal, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam yang masih sah laku.
 - ii. Selepas di sah laku oleh Unit Penyelaras dan Pemantauan Projek, Syarikat / Pemborong hendaklah menghadapkan **Slip Pengesahan** kepada Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk membuat pembayaran **B\$5.00** bagi pembelian tawaran sebutarga.
 - iii. Setelah membuat pembayaran dan mendapatkan **Resit Pembayaran** bagi pembelian tawaran sebutarga, Syarikat / Pemborong hendaklah menghadapkan resit pembayaran tersebut kepada Unit Penyelaras dan Pemantauan Projek, Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan, Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mendapat dokumen tawaran sebutarga tersebut.
4. Borang-borang tawaran sebutarga hendaklah diisi dengan lengkap dan memasukkannya ke dalam sampul surat yang bertutup rapi (**Sealed Envelope**) dengan menyertakan Salinan **Resit Pembayaran** dan **Slip Pengesahan** serta menulis **Bilangan Tawaran, Nama Tawaran dan Tarikh Tutup** tanpa membubuh sebarang pengenalan atau identiti Pemborong atau Syarikat.
5. Semua tawaran hendaklah dimasukkan kedalam

**Peti Kotak Sebutarga
Tingkat 1 Bahagian Kewangan,
Bangunan Ibu Pejabat
Jalan Menteri Besar
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**
6. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan atau tawaran yang tidak lengkap, tidak akan dilayan atau diterima dan ianya tidak sah.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, tidak akan terikat untuk memilih sebarang tawaran yang lebih murah atau yang difikirkan tidak munasabah.


[Ar. HAJI AZMI BIN HAJI TAHIR]
Ketua Bahagian Bangunan dan Pemeliharaan
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam

S.k. Pengerusi Jawatankuasa Sebutarga, KHEU